

26/05/1999

Badan urus sumber air wajar diwujudkan

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - Semua kerajaan negeri wajar mengambil daya usaha menubuhkan lembaga pengurusan air bagi memantau sebarang kegiatan membabitkan sumber air di negeri masing-masing dalam usaha menangani masalah pencemaran sungai yang semakin serius.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata usaha mengadakan peraturan dan undang-undang berkaitan sumber air adalah daya usaha kerajaan negeri selaras dengan arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu setiap negeri mencari jalan membersihkan sumber air terutama sungai supaya boleh digunakan sepenuhnya.

Beliau berkata, Perdana Menteri kesal kerana sungai tidak dipelihara dengan sebaiknya dengan membiarkan sampah sarap dibuang sesuka hati sehingga menyebabkan pencemaran selain kegiatan mengambil pasir tidak diawasi sehingga berlaku hakisan teruk.

Katanya, kerajaan negeri berhak menubuhkan sebarang institusi berhubung pengurusan air kerana ia terletak di bawah bidang kuasa mereka.

"Dalam usaha memelihara kebersihan sungai, kementerian berunding dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengambil sungai di Selangor sebagai kajian dan projek perintis dalam menjalankan kegiatan pemantauan kerana ia berhampiran dengan agensi berkenaan.

"Dalam masa sama, kerajaan Selangor mengambil daya usaha menubuhkan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) yang berfungsi sepenuhnya untuk mengawas dan memantau sebarang kegiatan berhubung air selain menyelaraskan penguatkuasaan," katanya selepas merasmikan Persidangan Tahunan Pengurus Air JPS di sini, hari ini.

Dr Sulaiman berkata, pemilihan Selangor sebagai projek perintis kajian sungai adalah bertepatan dengan kepentingan sumber air di negeri itu yang menampung keperluan domestik dan industri di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Menurutnya, setakat ini beliau belum mendapat maklum balas daripada Menteri Besar dan Ketua Menteri lain mengenai usaha menubuhkan jawatankuasa pengurusan sungai itu.

"Mungkin kita perlu bentangkan satu kertas kerja dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dan jika kalau perlu mereka boleh mendapatkan nasihat teknikal daripada JPS yang ada di negeri masing-masing," katanya.

Selain itu, katanya, pihak kementerian atau JPS mungkin mengadakan penjelasan ke setiap negeri mengenai pentingnya penubuhan jawatankuasa pengurusan sungai itu.

"Kita berharap pelaksanaan kajian sungai dan penubuhan Luas di Selangor dapat dicontohi negeri lain untuk menubuhkan jawatankuasa pengurusan sungai masing-masing," katanya.

Menurutnya, beliau difahamkan Sarawak turut menubuhkan Lembaga Sungai manakala Sabah melaksanakan Enakmen Sungai Air dalam usaha menguatkuasakan peraturan dan undang-undang bagi mengawasi sumber air.

Beliau berkata, JPS menghantar pegawainya ke Eropah untuk membuat kajian terhadap pengurusan dan usaha memaksimumkan penggunaan sungai di negara berkenaan yang sesuai dilaksanakan di negara ini.

"JPS juga saling bekerjasama dengan negeri lain yang berminat untuk menubuhkan jawatankuasa pengurusan sungai dan bersedia memberikan khidmat kepakaran dan teknikal jika diminta," katanya.

Terdahulu, katanya, kerajaan memberikan komitmen yang penuh terhadap fungsi JPS untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat dengan memperuntukkan

RM303 juta lagi selepas kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh menjadikan jumlah peruntukan bagi penyediaan pelbagai infrastruktur di bawah tanggungjawab agensi itu sebanyak RM1.76 billion.

(END)